

BILA RASULULLAH MENJENGUK KITA !!!

Bayangkan apabila Rasulullah SAW dengan seizin Allah SWT tiba-tiba muncul mengetuk pintu rumah kita.... Baginda datang dengan tersenyum dan muka bersih di depan pintu rumah kita. Apa yang akan kita lakukan? Mestinya kita akan sangat berbahagia, memeluk Baginda erat-erat dan lantas mempersilakan baginda masuk ke ruang tamu rumah kita. Kemudian kita tentunya akan meminta dengan penuh pengharapan agar Rasulullah SAW sudi menginap beberapa hari di rumah kita. *Baginda tentu tersenyum.....*

Tapi barangkali kita meminta pula Rasulullah SAW menunggu sebentar di depan pintu kerana kita teringat video CD/DVD xxx rated 17+ yang ada di ruang meja tv dan kita tergesa-gesa memindahkan dahulu video tersebut ke dalam. *Baginda tetap tersenyum.....*

Atau barangkali kita teringat akan lukisan setengah bogel yang kita pameran di ruang tamu rumah, sehingga kita terpaksa juga memindahkannya ke belakang secara tergesa-gesa. Barangkali kita akan memindahkan kalimah Allah dan Muhammad yang ada di gudang atau di belakang dan meletakkannya di ruang tamu. *Baginda tetap tersenyum.....*

Bagaimana pula jika kemudiannya Rasulullah SAW bersedia menginap di rumah kita? Barangkali kita teringat bahawa anak kita lebih menghafal lagu-lagu barat Britney Spear atau Rihanna atau lagu Korea yang di adaptasikan dari filem-filem daripada menghafal Sholawat kepada Rasulullah SAW. Barangkali kita menjadi malu bahawa anak-anak kita tidak mengetahui sedikit pun sejarah Rasulullah SAW kerana kita lupa dan lalai mendidik anak-anak kita mengingati Rasul Junjungan. *Baginda tetap tersenyum.....*

Barangkali kita menjadi malu bahawa anak kita tidak mengetahui satu pun nama keluarga dan sahabat-sahabatnya tetapi boleh pula anak-anak kita atau kita sendiri mengenali anggota Linkin Park atau pelajar-pelajar AF (Akademi Fantasia) bermula dari musim 1 hingga musim 8. Itu belum lagi Malaysian Idol, One in The Million atau pelbagai program realiti yang mencari hiburan semata-mata.

Barangkali kita terpaksa menyediakan satu kamar menjadi ruang Solat. Barangkali kita teringat bahawa isteri dan anak perempuan di rumah kita tidak memiliki koleksi pakaian yang sempurna untuk berhadapan dengan Rasulullah SAW. *Baginda tetap tersenyum.....*

Barangkali kita menjadi lebih malu ketika anak laki-laki kita lebih mendahulukan hal sia-sia seperti bermain Play Station ataupun Ragnarok Online daripada solat berjamaah. Barangkali kita menjadi malu kerana anak perempuan kita tanpa malunya berdua-duan di depan rumah. Barangkali kita menjadi malu saat isteri kita sedang sibuk bergosip bersama jiran tetangga di laman rumah. *Baginda tetap tersenyum.....*

Belum lagi koleksi novel milik kita dan anak-anak kita. Belum lagi koleksi kaset milik kita dan anak-anak kita. Belum lagi koleksi karaoke milik kita dan anak-anak kita. Belum lagi file-file di dalam laptop/komputer yang mana wallpaper sahaja sudah cukup melambangkan keperibadian serta kecenderungan kita terhadap sesuatu perkara. Kemana kita harus menyingkirkan semua koleksi tersebut demi menghormati junjungan kita?

Barangkali kita menjadi malu diketahui Rasulullah SAW bahawa kita tidak pernah melakukan ibadah Solat sunat sekalipun. Barangkali kita menjadi malu diketahui Rasulullah SAW bahawa kita tidak pernah ke masjid meskipun azan berkumandang walaupun jarak rumah kita dengan masjid hanya 1 km. *Baginda tetap tersenyum.....*

Barangkali kita menjadi malu kerana pada saat maghrib keluarga kita sibuk di depan TV. Barangkali kita menjadi malu kerana kita menghabiskan hampir seluruh waktu kita untuk mencari kesenangan duniawi. Barangkali kita menjadi malu kerana anak-anak kita sama sekali tidak hormat dan santun kepada kita dan isteri kita. Barangkali kita menjadi malu kerana keluarga kita membiarkan Al-Qur'an tersusun rapi di rak buku dan tak pernah dibaca. Apatah lagi untuk menghayati isi-isi yang menjadi mukjizat teragung di sisi baginda. *Baginda tetap tersenyum.....*

Barangkali kita menjadi malu jika Rasulullah SAW bertanya tentang nama dan alamat imam atau bilal masjid di kampung kita. Kita hanya kenal ketika hendak kahwin atau pun saudara yang mengalami kematian. *Betapa senyum Baginda masih di situ.....*

Bayangkan apabila Rasulullah SAW tiba-tiba muncul di depan rumah kita... Apa yang akan kita lakukan? Masihkah kita memeluk junjungan kita dan mempersilakan Baginda masuk dan menginap di rumah kita? Atau akhirnya dengan berat hati, kita akan menolak Baginda berkunjung ke rumah kerana hal itu akan membuat kita menjadi gelabah dan malu dengan sikap kita sendiri

Maafkan kami ya Rasulullah.... mungkin itulah perkataan yang akan terpacul di mulut kita... Masihkah Baginda tersenyum? Senyum pilu, senyum sedih, dan senyum getir... Oh, betapa malunya kehidupan kita saat ini di mata Rasulullah... Sedangkan Bagindalah yang insan terakhir untuk kita mendapat syafaat darinya.

Renungkanlah betapa malunya kita kalau ini terjadi!!! apa mungkin hal ini terjadi!!! jawabnya hanya satu, wallahu ta'ala a'lam. Mari kita perbaiki kehidupan kita ke arah yang lebih diredhai. *Sekian... Muhammad Adib b. Haji Hassan*



Serban Rasulullah SAW